

"Kalau hendak nampak sentiasa muda, ikut cakap saya," kata PM

Diketika mesyuarat Kabinet Kerajaan akan melaksanakan sistem menggunakan kad penentuan waktu bermula awal bulan depan — sistem yang akan dilaksanakan kepada setiap kakitangan Kerajaan, termasuk Menteri dan Timbalan, pegawai tinggi dan laksana — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata secara bergurau: "Bila mereka, yakni kakitangan Kerajaan dan para Menteri, hendak nampak sentiasa muda mereka hendaklah bekerja dari pukul 8 pagi hingga 6 petang seperti saya amalkan sekarang." (Nota: Dr Mahathir memang sudah nampak lebih dari umur 60 tahun, tapi dari wajah dan parasnya banyak orang yang mengagumi — termasuk wanita — bahawa beliau berusia cuma dalam lingkungan 40 an.)

— Di petik dari Berita Harian Ogos 11, 1981.

☆☆☆

Emas Penulis:

Sungguhpun Datuk Seri Dr Mahathir menyuarakan pandangan beliau secara terbuka atau berlembut, janganlah bagai bahan lencu untuk menimbulkan ketidakpercayaan kepada mata-mata Kerajaan yang pendapat Dr Mahathir dikaji secara terperinci, hanya mengandungi logik yang boleh diterima oleh rakyat. Sebab kakitangan yang da-

tang awal ke pejabat akan sentiasa berkecundang dan tidak akan berlari menuju meja (kadang-kala dengan mencubit kasut) kerana takut terlampau oleh C.C. atau "E.O." Dan bila sampai ke meja, mereka dengan tenang jua boleh memulakan kerja tanpa merungsi mencari sebab atau alasan yang makkul untuk di "jual" kepada C.C. atau Ketua Pejabat, jika dan bila ditanya mengapa mereka berulangkali datang lambat.

Jika kementerian atau Ketua berulangkali "tyre" basikal (atau motor) poncet di tengah jalan, dan di hari sebelum itu terpaksa merawal ibu mertua yang secara mengejut diserang penyakit senak perut; dan semalam, kononnya, kemalangan lalulintas telah menyebabkan kenderaan mereka tersekat selama 2 jam — apakah pula "excuse" atau dalih baru yang hendak diceritakan kepada ketua kauli ini? Kesemua ini akan memeningkan kepala kakitangan yang datang lambat. Dan jika habit atau amalan ini diblarkan berterusan, maka tidaklah menghalrakan jika kullit muka kakitangan berkenaan lebih cepat berkedut (dan rambut mereka lebih lekas berubah) diri kakitangan yang awal tiba ke pejabat atau Kementerian.

Ini ada dua lagi ilustrasi yang membuktikan kebenaran apa yang anda diperkatakan oleh Perdana Menteri tadi:

(A) Burung yang cepat bangkit dan awal keluar dari sarang untuk mencari rezeki biasanya akan berkeadaan riang,

sihat dan segar (dan saka menyanyi), kerana setiap pagi ia berpeluang menikmati cacing dan belalang baik — "baik" dalam konteks sals dan kualiti. Tapi bagi burung yang keluar sarang pukul 9.00, ianya terpaksa berpuas hati dengan cacing uzur dan belalang tua, dan semangut di bidang nyanyi pun udah tiada lagi. Dan jika "habit" ini diulangi setiap hari maka tidaklah menghalrakan jika burung "malas" itu sentiasa berkeadaan separuh-lapar dan serius, dan dengan itu ia tua, mudah marah dan cepat mati.....

(B) Shigechiyo Izumi, yang tinggal di Kagoshima, Jepun, baru-baru ini mencayam bukitnya, dan berjalannya yang ke 116. Beliau tercatat dalam "Buku Guinness" sebagai orang yang tertua di dunia. Rahsia panjang umurnya ialah — dia bangkit pukul 6.30 setiap pagi. Dan oleh kerana dia sudah bersara, dia tidak lagi pergi ke pejabat ataupun kilang. Sebagai ganti, dia setiap pagi, berjalan dan berjalan (tampa diapit oleh cucu ataupun cicit) di keliling rumahnya, yang terletak di sebuah ladang tebu. (South China Morning Post Jun 29, 1981).

Kesimpulan:

Kakitangan Kerajaan, khususnya kakitangan wanita — yang "hendak nampak sentiasa muda" walaupun mereka sudah tua — terpaksa mematuhi nasihat Perdana Menteri tadi, yakni datang cepat ke pejabat dan balek lambat. (Ya, burung pun balek lambat ke sarang. Hanya burung uzur dan anak

burung yang balek cepat). Dengan cara ini mereka tidak perlu membariskan wang untuk membeli jamu itu dan jamu ini, maklun itu dan maklun ini, semata-mata dengan tujuan menghilangkan kerudut di muka dan menengangkan kulit di badan. Dan wang yang terselamat itu boleh diguna untuk melabur dengan Amanah Saham Nasional. (Catitan Khas: Penulis percaya Pak Cik Desa tentu sekali akan mempersetujui pandangan ini).

☆☆☆

Ekor Ruangan:

"Cour Des Complex" sebuah badan bebas di negeri Perancis yang bersama dengan Jabatan Oditi Negara di kebanyakan negara lain telah mengkritik sebuah agensi Kerajaan (bersamaan dengan Majuterkn di negara kita) yang menguruskan sebuah ladang pembikinan kuda yang dimiliki oleh Kerajaan.

Di ladang berkenaan terdapat 1,783 "stallions", yakni kuda jantan, keturunan baik untuk di "sewakan" kepada tuannya kuda betina yang mahukan kuda-kuda betina mereka melahirkan anak-anak yang berketurunan baik.....

Kata "Cour Des Complex" dalam laporannya yang terbaru, hasil yang di pungut oleh ladang pembikinan itu amatlah kecil di banding dengan perbelanjaan. Sehingga, ditambah Lembaga Oditi Negara itu, kuda-kuda bapak keturunan baik itu adalah "under-

worked" (kurang kerja) dalam konteks setiap bapak hanya ditugaskan untuk berkhidmat kepada ("to service") cuma 25 ekor kuda betina setahun (ulangi setahun). Lembaga Oditi Negara berpendapat bapak-bapak kuda itu adalah berkebolehan dari segi tenaga untuk bekerja selama sekurang-kurangnya kepada 50 ekor kuda betina dalam tempoh yang sama.

Dengan itu Lembaga Oditi Negara mengesyorkan, pertama, "More action" di pihak "stallions" berkenaan dan kedua, supaya "sew", yakni, bayaran profesional" bagi setiap "service" dinaikkan, memandangkan kepada kadar inflasi di hari ini.

(Dipetik dari Bangkok Post Julai 29, 1981 di bawah tajuk "Lazy horses").

☆☆☆

Catitan Khas:

Penulis hidangkan cerita dari Perancis ini, kerana ianya adalah "Of special interest" kepada para pembaca di hari ini memandangkan (a) kepada Laporan Oditi di Negara kita sendiri mengenai pembasiran wang rakyat oleh setengah-setengah Kementerian dan Jabatan; dan (b) kepada seruan dan gesaan yang hampir setiap hari disuarakan oleh pemimpin-pemimpin atasan dalam "Pentadbiran 5-M" supaya kakitangan kerajaan (dan jua di bidang swasta) bekerja lebih rajin dan lebih kuat, dan dengan itu melpatkandakan pengeluaran Negara.

☆☆☆☆